

13 hasil karya dipamerkan di Galeri Serdang

REKAAN KREATIF PENSYARAH, PELAJAR

Nor Hanisah Kamaruzaman
rencana@hmetro.com.my

Fakulti Rekabentuk dan SeniBina (FRSB) Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan pameran 'Sustainable Tropical Environmental Design Exhibition' (STEdox) 2016 di Galeri Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Pameran yang diadakan secara tahunan itu mempamerkan rekaan produk kreatif dari hasil penyelidikan dari pensyarah dan pelajar FRSB.

Sebanyak 13 hasil karya yang ditampilkan dan masing-masing melalui proses penyelidikan dalam memastikan produk yang dihasilkan bertaraf antarabangsa.

Antara produk menarik yang dihasilkan melalui proses penyelidikan itu adalah perabot yang diberi nama RubiX.

Perabot unik itu direka khas dan menampilkan contoh rekaan menggunakan teknik pemasangan kerangka kayu dalam mencipta bentuk yang fleksibel.



FOTO ROSELA ISMAIL

BARISAN penyelidik bergambar kenangan ketika pameran berlangsung di Galeri Serdang, UPM baru-baru ini.

Dikenali sebagai sistem 'Architectonic Spacer Building,' ia juga antara inovasi integrasi sistemik di mana proses fabrikasi dan pemasangan digabung semasa proses reka bentuk produk.

Penghasilan produk yang direka kumpulan penyelidik yang diketuai Dr Rahinah Ibrahim itu juga dapat mengurangkan sisa bahan selain memberikan fleksibiliti pembentukan perabot ketika proses

pemasangan dijalankan.

Lebih menarik, prototaip perabot RubiX menggunakan dua bentuk 'spacers' sebagai komponen standard dengan menonjolkan potensi penghasilan gabungan bahan kayu dan bukan kayu.

Pada pameran yang sama, kajian berkenaan landskap dan taman turut dibentangkan antaranya kajian bertajuk Persekitaran Luaran Hijau Untuk Terapi

Rehabilitasi Jantung.

Kajian yang dijalankan di Jabatan Rehabilitasi Hospital Serdang itu menyelidik bagaimana persekitaran luaran hijau (GOE) atau taman di bahagian luar hospital dimanfaatkan pesakit dan pengunjung.

Malah, kajian yang diketuai Dr Shureen Faris Abdul Shukor itu dipersembahkan dalam bentuk video merekod suasana di kawasan kajian dari jam 8 pagi hingga 5 petang dalam satu hari.

Melalui video berkenaan, digambarkan bagaimana pertukaran cahaya berlaku di kawasan berkenaan dan bayang-bayang yang terhasil mempengaruhi pilihan pengguna berkenaan ruang serta aktiviti yang dijalankan di GOE.

Pada masa sama, kajian itu antara yang terpenting kerana faktor cuaca sering tidak diambil kira dalam proses mereka bentuk persekitaran luaran hospital terutamanya negara beriklim tropika.



DR Shureen turut membentangkan hasil kajiannya di pameran berkenaan.

